☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 3/4/2012
Hari: SELASA M/S: M2
Ruangan: HIP

Datuk Shake jayakan Minggu Setiausaha UUM

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bharian.com.my

DATUK SHAKE menurunkan tanda tangan sambil disaksikan Baharudin dan Presiden SETIA, Siti Alzian Ismail.

TEKAD meluaskan jaringan sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM), menjadi universiti pertama meraikan Minggu Setiausaha dengan penganjuran acara istimewa pada 21 April ini di Hotel Equatorial, Pulau Pinang.

Majlis julung kali diadakan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) itu akan menampilkan penyanyi terkenal, Datuk Shake, Tomok dan Idayu, yang juga pelajar universiti terbabit.

Pengarah Canselori UUM, Baharudin Yaacob, berkata pemilihan artis itu dibuat memandangkan Datuk Shake ialah antara penyanyi lama yang cukup berbakat dan sudi pulang ke negara ini semata-mata menjayakan program berkenaan bersama peminatnya di Pulau Pinang.

Katanya, pemilihan Tomok dan Idayu pula kerana mereka kini menuntut di universiti terbabit dan ia menjadi peluang untuk IPTA itu memperkenalkan pelajar yang membanggakan dalam bidang seni, walaupun UUM lebih cenderung kepada bidang pengurusan.

Ditanya mengenai matlamat penganjuran majlis itu oleh universiti terbabit berikutan Minggu Setiausaha selalunya diadakan oleh syarikat swasta, Baharuddin berkata, ia dilihat dapat memperluaskan jaringan rangkaian hubungan di antara setiausaha pada peringkat kebangsaan, selain mampu memberi pendedahan dan transformasi kepada golongan itu dalam mempertingkatkan integriti dengan pelbagai aktiviti yang mengisi majlis terbabit nanti.

"Sebagai IPTA, kami sedar sebelum ini majlis seperti ini hanya dianjurkan pihak swasta. Namun setelah 28 tahun berada dalam bidang pengurusan, kita mahu mencuba menjadi penganjur majlis pula.

"Lagipun majlis ini dianjurkan Persatuan Setiausaha UUM (SETIA) dengan kerjasama Jabatan Canselori dan kita memberikan sokongan sepenuhnya kepada usaha yang baik ini," katanya yang ditemui pada sidang media di ibu kota, semalam.

Majlis yang menggunakan tema *From Paris With Love* itu menyediakan 1,000 tempat duduk dan menjanjikan kehangatan apabila penyanyi berkenaan akan mengimbau serta menghiburkan peserta dengan irama segar sepanjang zamannya.

Bagi mereka yang yang berminat untuk menghadiri majlis itu, bolehlah menghubungi urus setia di talian 04-9283001.